



**PUSAT HEMODIALISIS ZAKAT  
ZAKAT PULAU PINANG  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

**NOTIS JAWATAN KOSONG**

**ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP** merupakan sebuah organisasi yang menguruskan kutipan dan agihan zakat di negeri Pulau Pinang. Kami mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk memohon jawatan di Pusat Hemodialisis Zakat (PHZ). PHZ merupakan salah satu Program Agihan Asnaf yang diwujudkan di bawah peruntukan agihan Pengurusan Pusat Hemodialisis Zakat, MAINPP.

Sebagai makluman, Zakat Pulau Pinang, MAINPP di bawah program agihan zakat mempunyai lapan buah Pusat Hemodialisis Zakat yang beroperasi seluruh negeri Pulau Pinang bagi memberi kemudahan perubatan mencuci buah pinggang kepada masyarakat Islam negeri Pulau Pinang.

Bagi memastikan hasrat dan tanggungjawab ini tercapai, kami memerlukan calon-calon yang berminat, berkebolehan dan bermotivasi tinggi untuk mengisi kekosongan yang ada. Tawaran adalah terbuka kepada warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

**JAWATAN**

**1. PENYELIA DIALISIS**

Penempatan - di Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Nibong Tebal

**STATUS JAWATAN**

Jawatan adalah secara lantikan **TETAP**.

**SYARAT-SYARAT AM KELAYAKAN**

1. Warganegara Malaysia dan beragama Islam; berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
2. Calon-calon mestilah lulus sijil SPM / SPMV atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
3. Mahir dan cekap dalam perisian *Microsoft Office (Word, Excel dan Powerpoint)*;
4. Tidak merokok;

## **SYARAT-SYARAT KELAYAKAN**

### **1. PENYELIA DIALISIS**

#### **1.1. Syarat Lantikan**

- 1.1.1. Memiliki diploma dalam bidang **Kejururawatan** atau lain-lain kelayakan berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 1.1.2. Mempunyai **Sijil Pos Basik Perawatan Renal**.
- 1.1.3. Mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran penuh dari Lembaga Jururawat Malaysia.
- 1.1.4. Memiliki Sijil Amalan Tahunan Semasa.
- 1.1.5. Keutamaan diberi kepada calon-calon yang berpengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam bidang penyeliaan pusat dialisis.
- 1.1.6. Mempunyai pengalaman dalam pengurusan klinik dan hospital adalah satu kelebihan.
- 1.1.7. Berkemahiran dalam mengawal selia kakitangan dan pelanggan.
- 1.1.8. Mempunyai rekod kerja yang baik.
- 1.1.9. Calon adalah bukan calon simpanan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

#### **1.2. Tugas dan Tanggungjawab**

- 1.2.1. Bertanggungjawab sepenuhnya terhadap operasi Pusat Hemodialisis Zakat cawangan Nibong Tebal bagi menentukan pentadbiran dan pengurusan dengan baik.
- 1.2.2. Memastikan semua pesakit menerima rawatan dialisis yang sesuai mengikut jadual.
- 1.2.3. Menguruskan jadual kerja kakitangan untuk memastikan kelancaran operasi pusat dialisis.
- 1.2.4. Menentukan keperluan peralatan dan ubat-ubatan mencukupi dan stok sentiasa terkawal.
- 1.2.5. Mengemaskini rekod-rekod perubatan dan penyelengaraan berkala mesin, peralatan dialisis dan aset PHZ.
- 1.2.6. Memastikan rekod pesakit adalah selaras dengan piawaian kesihatan dan peraturan perundangan.
- 1.2.7. Menjadi penghubung antara pesakit, keluarga pesakit, dan pasukan perubatan.

- 1.2.8. Memastikan pusat dialisis mematuhi semua peraturan dan garis panduan kesihatan.
- 1.2.9. Menangani sebarang masalah yang timbul dalam operasi harian pusat dialisis dengan cepat dan cekap.
- 1.2.10. Menyediakan penyelesaian yang efektif untuk meningkatkan operasi dan perkhidmatan.
- 1.2.11. Menyediakan rekod dan laporan secara berkala mengikut keperluan untuk semakan Ketua Unit Dialisis dan Pengurus Bahagian.
- 1.2.12. Bertanggungjawab kepada Pengurus Bahagian Perkhidmatan Kesihatan, PHZ

### CARA MEMOHON

1. Bagi calon yang berminat dan memenuhi semua syarat-syarat, sila kemukakan:
  - i. Borang Permohonan Kerja yang lengkap diisi boleh dimuat turun di laman web <https://zakatpenang.com/sertai-kami/>
  - ii. Mengemukakan Borang Permohonan Kerja berserta *resume/profil* dan *Curriculum Vitae* terbaru (CV) yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik (sertakan salinan sijil yang berkaitan), pengalaman kerja dan sekeping gambar bersaiz pasport. Sila nyatakan gaji terkini dan gaji yang dipohon.
2. Hanya permohonan berikut yang akan diterima:
  - i. Lengkap dan terang;
  - ii. Salinan dokumen-dokumen yang dilampirkan disahkan oleh pegawai yang berkelayakan;
  - iii. Memenuhi syarat-syarat kelayakan yang dikehendaki;
  - iv. Disertakan gambar berukuran pasport atau salinan dokumen yang diperlukan;
  - v. Ditandatangani.

#### Permohonan Dikemukakan Kepada:

**PENGURUS  
BAHAGIAN PERKHIDMATAN KESIHATAN,  
ZAKAT PULAU PINANG  
No. 503, Tingkat 1, Jln Permatang Rawa,  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang**

Semua permohonan adalah sulit. hanya calon yang berkelayakan dan disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga. Permohonan mestilah sampai kepada pihak kami sebelum atau pada **31 DISEMBER 2024 (SELASA)**.